

Lelaki aibkan kehormatan orang lain dipenjara dan didenda

MIRI: Seorang lelaki berusia 25 tahun dijatuhkan hukuman penjara seminggu dan denda RM2,000 oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam selepas mengaku bersalah melakukan isyarat yang bertujuan mengaibkan kehormatan seseorang.

Tertuduh Mohammad Nazri Samsu dijatuhkan hukuman tersebut oleh Majistret Ashok Linggam selepas mengaku melakukan kesalahan di bawah Seksyen 509 Kanun Keseksaan.

Berdasarkan fakta kes, tertuduh didakwa dengan niat mengaibkan kehormatan seorang mangsa lelaki dengan membuat isyarat tidak senonoh di tandas lelaki di aras dua sebuah pusat beli-belah di sini kira-kira jam 10.55 pagi pada 5 Jun lalu.

Bagi kesalahan itu, tertuduh dihukum penjara seminggu dan denda RM2,000 atau penjara sebulan.

Kesalahan di bawah Seksyen 509 Kanun Keseksaan memperuntukkan hukuman penjara sehingga lima tahun atau denda atau kedua-duanya sekali jika disabitkan kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Mohammad Syafiq Samry, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.